


E-BULETIN

EDISI JAN-JUNE 2021 | Isu 1

TERDAPAT LEBIH
+60
PROGRAM DAN
AKTIVITI YANG
TELAH
DIANJURKAN
BERSAMA
POLITEKNIK NILAI
NEGERI
SEMBOLAN

►
Muka seterusnya



Sidang Redaksi e-Buletin

EDISI JAN-JUNE 2021 | Isu 1



PENAUNG
TN. HJ. WAN ZULKIFLY
WAN ZAKARIA



PENASIHAT
PN HJH. NORFAZILA
BINTI AHMAD



KETUA EDITOR
LAR. TS. DR. NURZULIZA
BINTI JAMIRSAH



EDITOR
PN. NOOR ATIQAH
BINTI SANUDIN



EDITOR TEKNIKAL
PN. FAIROZ BINTI YAAKOB

DISEDIAKAN OLEH

BAHAGIAN PENERBITAN,
UNIT KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT,
POLITEKNIK NILAI,
NEGERI SEMBILAN

e-Buletin

POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

*Antara Kandungan
Menarik Pada Isu ini:*

**Kursus Inovatif dan
Kreatif (KIK)**

**Virtual Internship &
Career Talk (I-CARE)**

**Kursus Online Asas
Augmented Reality**

Editor

Pn Hjh Norfazila Binti Ahmad

Pn. Nurzuliza Binti Jamirsah

Pn. Noor Atiqah Binti Sanudin

Pn. Fairoz Binti Yaakob



Lawatan Y.B. Dato' Mansor Bin Haji Othman Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, KPT

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS) amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor Bin Haji Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (YBTM) di atas lawatan kerja ke PNS. Delegasi lawatan kerja ini telah disambut oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), YBrs. Ts. Zainab Binti Ahmad, YBhg. Dato` Shaharuddin Bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar KPT, Tn. Hj. Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai dan En. Mohamad Isa Bin Azahari, Pengarah Politeknik Port Dickson (PPD). Tidak dilupakan juga pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi serta kakitangan PNS. Sememangnya lawatan ini merupakan satu peluang keemasan yang jarang sekali diperolehi oleh pihak PNS.

Terdapat banyak lagi paparan berita seumpamanya

m/s 1

KURSUS INOVATIF DAN KREATIF (KIK)





Kumpulan Kecil Inovatif & Kreatif (KIK) atau *Quality Control Circle* (QCC) ialah sekumpulan kecil pekerja, berasal dari bahagian tempat kerja yang sama, berkumpul secara sukarela untuk mengenalpasti masalah kerja, menganalisa, menyiasat punca sebab masalah dan seterusnya mencadangkan penyelesaian dan menyelesaikan masalah tersebut. Amalan KIK dalam organisasi dapat membantu memperbaiki mutu kerja, kualiti produk, meningkatkan produktiviti, menyenangkan komunikasi di antara pekerja dengan pengurus dan seterusnya menyumbang terus kepada keuntungan organisasi tersebut.



VIRTUAL INTERNSHIP &CAREER (I-CARE)

Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar Politeknik Nilai untuk membuat persediaan dalam pencarian penempatan bagi menjalani latihan industri dan peluang kerjaya. Di samping itu juga, ia dilihat dapat membina keyakinan diri pelajar dalam bidang kerjaya yang bakal ditempuhi selari dengan bidang pengajian yang diambil melalui '*industry career talk*'



CURRICULUM VITAE
The Usual Suspects.

Proper CV formatting	Correct CV writing	What comes first?	Smart photo and correct sizing	In a recent Career Advisor case study, it showed that:
Bad grammar and typos (77%)	Unprofessional email address (35%)	No quantifiable achievements on a resume (34%)	Long paragraphs of text instead of bullet points (25%)	Generic resume that's not tailored to the job (18%)
Resume longer than two pages (17%)	No cover letter attached (10%)	THESE CONTRIBUTE TO A BAD FIRST IMPRESSION!		

CSR SUKARELAWAN KAMHSIS BERSAMA UPP



Selain memberi pendedahan kepada para pelajar kepada kemahiran hidup, ia juga mendedahkan para pelajar kepada sikap tanggungjawab terhadap kamsis dan memupuk sikap bekerjasama di kalangan pelajar kamsis. Ini sekaligus menjadikan pelajar lebih menghargai kamsis yang mereka diamini, lebih bertanggungjawab di atas keselamatan dan keselesaan kamsis serta pelajar lebih menghormati staf dan sesama mereka dengan program yang dianjurkan





REINVENT YOURSELF OLEH ALUMNI PNS ZAMIRULHAYAT BIN SULAIMAN

Perkongsian alumni bersama pelajar ini dilihat dapat meningkatkan pengetahuan pelajar berkaitan konsep kepimpinan, jati diri, nilai kemasyarakatan, kemahiran komunikasi supaya melahirkan graduan yang lebih berketampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan. Dalam masa yang sama program ini memberi panduan kepada pelajar tentang arah tuju mereka dalam bidang yang dipilih dan perkongsian teknik belajar yang diamalkan oleh alumni yang telah berjaya.



KURSUS ASAS IOT




Hasil dari pelaksanaan program PSH ini, dapat dilihat objektif utama telah dapat dicapai di mana penyampaian ilmu pengetahuan dari penceramah dapat memenuhi keperluan industri masa kini. Peserta dapat diberikan pendedahan awal dalam bidang penyelenggaraan di industri dan meningkatkan pengetahuan yang sedia ada dalam diri peserta. Di samping itu program ini dapat menunjukkan impak positif dari pelajar dengan menyuarakan banyak pertanyaan serta persoalan terhadap aspek keperluan dalam industri masa kini.





KURSUS ONLINE ASAS AUGMENTED REALITY

Dengan pelaksanaan program PSH ini, dapat dilihat objektif utama telah dapat dicapai di mana penyampaian ilmu pengetahuan dari penceramah dapat memenuhi keperluan industri masa kini. Peserta dapat diberikan pendedahan awal dalam bidang penyelenggaraan di industri dan meningkatkan pengetahuan yang sedia ada dalam diri peserta. Di samping itu program ini dapat menunjukkan impak positif dari pelajar dengan menyuarakan banyak pertanyaan serta persoalan terhadap aspek keperluan dalam industri masa kini.




IOT AND HARDWARE DEVELOPMENT TRAINING

Melalui penganjuran program ini, para peserta akan dapat meningkatkan kemahiran individu, sekaligus menjadikan komuniti sedar akan pentingnya pembelajaran yang berterusan juga peningkatan ilmu serta kemahiran. Sekaligus mengurangkan jurang teknologi dan keperluan kemahiran yang perlu dipenuhi jika kita ingin terus bersaing dengan negara maju sekaligus membudayakan PSH dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui penganjuran program ini, para peserta akan dapat meningkatkan kemahiran individu, sekaligus menjadikan komuniti sedar akan pentingnya pembelajaran yang berterusan juga peningkatan ilmu serta kemahiran. Sekaligus mengurangkan jurang teknologi dan keperluan kemahiran yang perlu dipenuhi jika kita ingin terus bersaing dengan negara maju sekaligus membudayakan PSH dalam kalangan rakyat Malaysia.



WEBINAR PEMBUDAYAAN ETAC



Pembudayaan ETAC ini merupakan suatu seminar yang dirangka untuk memberi pendedahan kepada pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) suatu pemahaman yang jelas tentang matlamat dan objektif serta kriteria keperluan bagi memenuhi kehendak akreditasi ETAC.





INTERNATIONAL WEBINAR SERIES 1-3

Di antara objektif program ini adalah melestarikan jalinan kaborasi PNS-UII sebagaimana AMM yang telah dimeterai pada 12 September 2019, menyampaikan ilmu dalam suasana santai pandemik 2020 / 2021 dan melaksanakan program peringkat antarabangsa secara efektif dan ekonomik bertepatan dengan senario dunia terkini.

DR NARIZAN ABDULLAH
MALAYSIA

DR PHIL. NINIK SRI RAHAYU
INDONESIA

DR SYAHR MUSAFIR
MALAYSIA

MARCH 25, 2021

10:00 MST
09:00 WIB

FREE Registration E-Certificate

REGISTRATION: <http://bit.ly/IWSeries2>

Organised by:
Internationalization Unit, Politeknik Negeri Malaysia
Diploma III in Banking & Finance Universitas Islam Indonesia

MS RATNA MOKHTAR
MALAYSIA

MS AIDHA TRISANTY
INDONESIA

MODERATOR:
NAZATULSHIMA MUSTAFAR

FEBRUARY 25, 2021

10:00 MST
09:00 WIB

Zoom.us
YouTube
ID: 9254044686

FREE Registration E-Certificate

BOOK YOUR SEAT TODAY!

SCAN ME

Registration: <http://bit.ly/IWSeries1>

Organised by:
Internationalization Unit, Politeknik Negeri Malaysia
Diploma III in Banking & Finance Universitas Islam Indonesia



BENGKEL PENERANGAN KAJIAN AWAL UI GREEN MATRIC 2021

Projek ini mampu melonjakkan politeknik dalam usaha melestarikan kampus hijau di Malaysia. Projek ini juga dapat memupuk budaya penulisan dan perkongsian ilmiah dalam usaha memperkuuhkan kerelevanan pembangunan penyelidikan. Projek ini dapat memperkasakan warga Politeknik Nilai dalam membudayakan amalan hijau.

Ini merupakan salah satu inisiatif bagi melatih pelajar untuk mengasingkan sampah mengikut kategori dan memasukkan sampah ke tong yang betul.



CERAMAH AMBANG RAMADAN : BUYUTUNA FI RAMADHAN

Perasmi dan ucapan aluan Ceramah Ambang Ramadhan; Buyutuna fi Ramadhan ini telah disampaikan oleh Tn. Hj. Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Politeknik Nilai Negeri Sembilan. Program ini dapat meningkatkan pengetahuan, penghayatan dan pembudayaan nilai-nilai Islam dalam kalangan warga politeknik. Ia juga memperkuatkan penghayatan dan pembudayaan amalan dan nilai-nilai agama Islam sebagai persediaan Ramadhan sekaligus membentuk peserta dalam menyambut Ramadhan dengan penuh persediaan mental dan fizikal.

CERAMAH AMBANG RAMADHAN

Buyutuna Fi Ramadhan

9/4/2021 (JUMAAT) 7.45 - 9.00 MLM

WEBINAR
WEBEX

Aluan oleh:
Tn.Hj Wan Zulkifly
Bin Wan Zakaria
Pengarah Politeknik Nilai

Moderator:
Ustaz Yusri bin Yusoff
Ketua Unit Pendidikan Islam
Pensyarah Jabatan Pengajian Am

PENCERAMAH
AL-FADHIL TN.GURU USTAZ SYAKIRIN BIN HUSSAIN
Pengasas & Mudir Sek.Men Agama & Pondok Talaqqi
Turath Tarbiyyatul Aulad Pantai Remis Perak



TAHSIN AL-FATIHAH

Program Tahsin al-Fatihah merupakan suatu inisiatif bagi memastikan pelajar dapat membaca al-Fatihah dengan sempurna kerana bacaan al-Fatihah merupakan salah satu daripada rukun solat. Program ini membantu pelajar kerana ianya merupakan sebahagian aspek yang dinilai bagi kursus di Jabatan Pengajian Am (JPA) iaitu MPU23012 (Pengajian Islam) dan MPU23052 (Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam)


Program ini dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) dengan Kerjasama Unit Pengurusan Psikologi (UPPs) dan Pusat Islam PNS melalui mandat Pengarah Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS) dalam usaha membangunkan pelajar yang cemerlang spiritual, akademik, sahsiah dan emosi. Program ini melibatkan pendekatan secara hybrid iaitu *'face to face'* dan *'online'* dengan mematuhi SOP yang ditetapkan, mengamalkan budaya normal baharu dalam mengekang penularan Pandemik COVID-19.






SEMINAR SAINS TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN DALAM ISLAM: "KEAGUNGAN AL QURAN" MERUNGKAI FAKTA-FAKTA SAINTIFIK


Program seminar ini diadakan bagi menggantikan program tertunda yang sepatutnya diadakan pada 18 Mac 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP 1.0). Adapun objektif sama sebagaimana dalam perancangan awal seperti berikut: i. Memantapkan pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap kepentingan sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam. ii. Mendedahkan pelajar dengan kaedah pembelajaran luar bilik kuliah yang lebih kreatif dan efektif. iii. Melahirkan insan yang sentiasa berminat mengkaji tentang kejadian alam melalui al-Quran dan al Hadis.





BENGKEL PENYEDIAAN SKT BAGI STAF AKADEMIK MENGIKUT GRED

Bengkel ini bertujuan mengumpulkan semua cadangan senarai SKT daripada peserta kursus berdasarkan kategori PPPT. Ia dapat menghasilkan satu dokumen SKT yang standard bagi PPPT kategori akademik di PNS.



PROGRAM PERTANDINGAN BUKA BUKU

Ia dilihat dapat memupuk semangat suka membaca di kalangan bersasar iaitu pensyarah dan kakitangan sokongan di Politeknik Nilai, memberikan cadangan judul buku yang boleh dikongsi bersama untuk dibaca oleh warga kerja yang lain.





NETBALL SUPER LEAGUE 2021 (NSL 2021)

Dua (2) orang pelajar Politeknik Nilai iaitu Nordiyah Binti Noorsabadienee dan Siti Nor Danea Anisya Iqma Binti Syamsul Rakesh telah berjaya beraksi cemerlang sepanjang kejohanan ini berlangsung dan akhirnya berjaya memimpin pasukan KL Wildcat menjadi johan dalam kejohanan ini. Sementera itu, Nur Nafisah Binti Feisal dan Nur Yasmin Atilla Binti Tamson juga berjaya beraksi dengan baik apabila mewakili N9 Venom yang menamatkan aksi di peringkat kumpulan. Penyertaan atlet Politeknik Nilai dalam pertandingan tertinggi di Malaysia ini telah melonjakkan potensi dan kewibawaan politeknik dalam menyokong pembangunan dan kecemerlangan sukan yang dinamik dan sistematik dalam melahirkan *the thinking athletes*.



NETBALL SUPER LEAGUE 2021:
ANJAKAN PARADIGMA BUAT
SUKAN BOLA JARING MALAYSIA



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI TTAC DIPLOMA BIOTEKNOLOGI (DBT) & DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP (DLH), POLITEKNIK NILAI

Politeknik Nilai dapat menunjukkan kesediaan dan komitmen sepenuhnya dalam i.Menghadapi proses akreditasi. ii.Menyemarakkan dan merancakkan persediaan ke arah akreditasi di kalangan warga PNS dan pihak berkepentingan. iii.Memupuk jalinan kerjasama di antara jabatan dan pihak pengurusan sepanjang proses persediaan menghadapi lawatan penilaian akreditasi.





BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PNS 2021-2025 & PELAN TINDAKAN PNS 2021

Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan Dokumen Perancangan Strategik PNS 2021 hingga 2025 dan Pelan Tindakan PNS 2021. Ia juga bagi merencanakan hala tuju PNS untuk tempoh lima tahun akan datang.





PROGRAM DERMA BUKU

Program ini dapat menggalakkan warga kerja dan pelajar menderma bahan bacaan baharu atau terpakai bagi menambah bahan bacaan di pusat sumber. Ia juga membantu pusat sumber membangunkan koleksi yang lebih pelbagai seperti bahan bacaan ringan seperti novel, komik, majalah dan bahan rujukan pelajar sekaligus menjadikan pusat sumber sebagai tempat rujukan bahan yang lebih mantap dan pelbagai.



BAKUL RAMADAN 1442H

Program Bakul Ramadhan ini memberi pendedahan para pelajar kepada kemahiran hidup, mendedahkan para pelajar kepada sikap tanggungjawab terhadap komuniti dan memupuk sikap bekerjasama di kalangan pelajar dan komuniti setempat.




PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI

Pelajar lebih menghargai kehidupan dalam era pandemik dan para pelajar lebih bertanggungjawab di atas keselamatan diri, keluarga dan masyarakat. Dalam masa yang sama, para pelajar juga lebih menghormati staf dan sesama mereka dengan program yang dianjurkan.





KURSUS BAHASA MANDARIN (TAHAP 11) SESI DIS 2020

Kursus ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) dan Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL) bermula pada 22 Mac hingga 12 Jun 2021. Kelas diadakan pada hari Isnin sehingga sabtu bermula jam 8.00 malam sehingga 10.00 malam secara dalam talian. Penyertaan sangat menggalakkan dalam kalangan pelajar Politeknik Nilai iaitu seramai 66 orang pelajar telah mendaftar. Kaedah pembelajaran menggunakan pembahagian pelajar kepada 3 kumpulan. Peserta telah dibimbing oleh Cikgu Ahmad Qardhawi bin Mohamed@Ismail, guru lantikan Institut Kong Zi Universities Malaya



MENDEPANI STIGMA SOSIAL DALAM ERA PANDEMIK COVID 19

Di antara objektif pelaksanaan program ini adalah seperti menjelaskan tentang kepentingan merawat emosi dan kesihatan ketika menghadapi pandemik COVID-19, memberi motivasi diri dalam menjaga emosi ketika djangkiti pesakit COVID-19, menjelaskan tentang bahaya stigma dalam era pandemik COVID-19 dan juga memberi pendedahan keutamaan penjagaan *Prosedur Operasi Standard* (SOP) dengan lebih berkesan.



BENGKEL ASAS PENGURUSAN ASET PNS 2021

Bengkel ini telah dilaksanakan di Bilik Komputer ULPL dan dikendalikan oleh En. Mohd Arif bin Nubli, pegawai aset Politeknik Nilai. Bengkel ini melibatkan semua penyelaras aset jabatan dan unit Politeknik Nilai. Antara objektif bengkel adalah:

- memberi pendedahan mengenai sistem aset myspa kepada penyelaras aset
- melatih dan memberi tunjuk ajar mengenai tatacara pengurusan aset alih yang betul kepada penyelaras aset
- membantu pengurusan aset alih di jabatan dan unit



NO NEED FAST TRACK


Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

- I.Memberi pendedahan berkenaan isu ‘sugar daddy’ dan ‘sugar baby’
- ii.Memupuk cinta dan penghargaan dalam diri pelajar PNS agar tidak terjerumus dengan masalah sosial
- iii. Mengenalpasti pelajar yang terlibat dalam isu ‘sugar daddy’ dan ‘sugar baby’ untuk dibantu dari sudut kaunseling



SEMINAR "LOTUS'S BEST PRACTICES IN WAREHOUSE AND SUPPLY CHAIN MANAGEMENT IN THE RETAIL INDUSTRY"

Seminar ini dianjurkan oleh Program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS) Jabatan Perdagangan turut disertai oleh pelajar Program Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM).



PENDAFTARAN PELAJAR KE KAMHSIS BAGI SESI PRAKTIKAL / AMALI SESI JUN 2020

Seramai 41 orang pelajar telah ditawarkan untuk mendiami asrama sepanjang tempoh sesi praktikal / amali. Sesi pendaftaran telah dilaksanakan di Kafe Lawang bagi pelajar wanita dan Pejabat Asrama Jati bagi pelajar lelaki.



KURSUS FOTOGRAFI

Tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi meningkatkan kemahiran penggunaan kamera digital dan teknik penggunaan aplikasi yang terdapat pada kamera tersebut semasa mengambil gambar dan menghasilkan gambar yang cantik serta berkualiti, menguasai teknik-teknik fotografi selari dengan perkembangan dunia fotografi masa kini dan memperkasakan pasukan fotografi PNS dengan pengetahuan, disiplin dan etika yang baik.





KURSUS PENGHASILAN BAHAN PDP BERINTEGRASI *AUGMENTED REALITY (AR)* MENGGUNAKAN PLATFORM *UNITY REAL- TIME DEVELOPMENT* (*UNITY*)

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah agar ia dapat menjadi satu aktiviti PdP berintegrasi *augmented reality* di mana dalam masa yang sama ia menarik minat pensyarah dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya pemahaman pensyarah akan lebih ditingkatkan dengan penggunaan teknologi masa kini.





KENALI DIRI ANDA VS “KERJAYA PERSONALITI”



Melalui penganjuran program ini, para pelajar akan dapat menyertai satu program yang dapat menarik minat untuk melihat peluang kerjaya pelajar sesuai dan lebih ke arah yang mana lebih sesuai dengan diri pelajar. Pelajar mendapat pendedahan mengenai minat kerjaya pada masa akan datang dan dalam masa yang sama pelajar juga boleh membuat keputusan pada masa akan datang berkaitan dengan minat kerjaya mengikut personaliti diri mereka yang sesuai agar lebih cemerlang pada masa akan datang dalam bidang yang akan diceburi nanti.





TERIMA KASIH *FRONTLINER* POLITEKNIK NILAI

Program ini dilaksanakan bagi menzahirkan ucapan terima kasih dan sokongan padu kepada pasukan *frontliner* Klinik Kesihatan Nilai yang telah terlibat semasa staf Politeknik Nilai menerima suntikan vaksin.

Sumbangan Politeknik Nilai ini telah disampaikan menerusi Biro Sosial PUSPANITA berupa makanan tengahari dan petang kepada 25 orang *frontliner* yang bertugas.



MAJLIS PERPISAHAN

Salam perpisahan ‘Jauh di Mata Dekat di Hati’ dari Warga Politeknik Nilai buat Pn. Suraya Abd Warif , Ketua Jabatan Sukan, Kurikulum dan Kebudayaan (JSKK) sempena perpindahan beliau ke Politeknik Kota Kinabalu (PKK) berkuatkuasa 1 Jun 2021. Beliau juga merupakan pensyarah di Jabatan Perdagangan sejak Dis 2010 – 31 Mei 2021.



The screenshot shows a video conference interface. At the top left, there is a red 'REC' button and a profile picture of a woman with the text 'Noor Aini binti Mohamad - PNS is presenting'. The main title 'MAJLIS PERPISAHAN' is displayed prominently in large, bold letters. Below it, the text 'PN SURAYA ABD WARIF', 'Jabatan Perdagangan', and 'Dis 2010 – Jun 2021' is visible. To the right, there is a grid of smaller video feeds showing various participants. The bottom of the screen features a decorative floral border and a footer with the text '4:56 PM | rpe-strm-gal' and several video control icons.

MAJLIS PERSARAAN

Majlis jamuan sempena meraikan persaraan Tn. Hj. Sahalani Basar serta perpindahan Pn. Umi Suriyana ke Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kulim, Kedah dan En. Syahrul Azmin ke Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).




PERPISAHAN BERSAMA TS. DR. MOHD RIDHUAN

Salam perpisahan buat Ts. Dr. Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi (UPI) yang juga merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) atas penghijrahan beliau ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berkuatkuasa 1 Jun 2021.



WEBINAR JOURNEY TO BE SUCCESS POLITEKNIK NILAI "BORN TO WIN"

Program motivasi ini dibawa khas untuk pelajar-pelajar Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) Jabatan Perdagangan. Perkongsian ilmu dan motivasi telah disampaikan oleh *founder* Jom Jadi Hebat iaitu En. Nasrull Shahfik. Antara ilmu yang dikongsi bersama pelajar adalah 5 kunci untuk menjadi insan yang hebat.



SEKALUNG TAHNIAH

Pihak Pengurusan dan Warga Politeknik Nilai merakamkan sekalung tahniah kepada dua orang pensyarah di Jabatan Perdagangan iaitu Pn. Shamariza Maarof dan En. Muhammad Hamizan Ab Hamid atas pencapaian menerima Anugerah Gelaran Teknologis Profesional (TS) dalam bidang Transportation & Logistics Technology (TL) oleh Lembaga Teknologis Malaysia.

The image displays two identical certificates for 'Sekalung Tahniah' (Congratulations) issued by Lembaga Teknologis Malaysia. Both certificates feature a blue header with the LTM logo and the text 'SEKALUNG TAHNIAH'. The background is white with a hexagonal grid pattern. The top certificate is for 'Ts. Shamariza Binti Maarof' and the bottom one is for 'Ts. Muhammad Hamizan Bin Ab. Hamid'. Both certificates include their names in a blue box at the bottom left, their titles as 'Pensyarah Kanan, Diploma Pengurusan Logistik dan Bentenan Bekalan Jabatan Perdagangan, Politeknik Nilai', and their professional titles as 'Teknologis Profesional Transportation & Logistics Technology (TL)'. They are both awarded 'kerana telah diperakui sebagai Teknologis Profesional' (acknowledged as Professional Technologists). The certificates are signed 'Oleh Lembaga Teknologis Malaysia' and include the signature of the Vice-Chancellor, Dr. Mohd. Zaini bin Md. Yusoff. The bottom of each certificate has a blue footer with the LTM logo and social media links for Facebook, YouTube, Twitter, and Instagram.

Sekalung Tahniah

Ts. Shamariza Binti Maarof

Pensyarah Kanan,
Diploma Pengurusan Logistik dan Bentenan Bekalan
Jabatan Perdagangan, Politeknik Nilai

kerana telah diperakui sebagai
Teknologis Profesional
Transportation & Logistics Technology (TL)

Oleh
Lembaga Teknologis Malaysia

Daripada:
Pengurusan dan Warga Politeknik Nilai

Sekalung Tahniah

Ts. Muhammad Hamizan Bin Ab. Hamid

Pensyarah,
Diploma Pengurusan Logistik dan Bentenan Bekalan
Jabatan Perdagangan, Politeknik Nilai

kerana telah diperakui sebagai
Teknologis Profesional
Transportation & Logistics Technology (TL)

Oleh
Lembaga Teknologis Malaysia

Daripada:
Pengurusan dan Warga Politeknik Nilai

SALAM PERSARAAN

Salam perpisahan dan persaraan buat Pn. Rohana Hassan Basri dan Pn. Siti Nurbaya Muhamed Saleh sebagai penjawat awam di Politeknik Nilai berkuatkuasa pada 30 April 2021 dan 31 Mei 2021. Politeknik Nilai mengucapkan mereka sentiasa cemerlang di dunia dan akhirat. Semoga jasa dan bakti mereka dalam Sistem Politeknik dan Kolej Komuniti serta mendidik anak bangsa diberi ganjaran oleh Allah SWT.




KUNJUNGAN HORMAT BANK RAKYAT

Kunjungan hormat pihak Bank Rakyat ke Politeknik Nilai diwakili oleh En. Badrulshah Mohamad, Pengurus Cawangan Bank Rakyat Bandar Baru Nilai dan Pn. Akma, Pegawai Bank Rakyat Cawangan Bandar Enstek. Antara agenda perbincangan adalah kerjasama dalam bidang akademik, Program Khidmat Masyarakat dan Pengurusan Kebajikan Pelajar.



PERBINCANGAN KOLABORASI RELA SEREMBAN

Perbincangan antara Pengarah dan pihak RELA Seremban berkenaan pelajar RELASIS Politeknik Nilai yang bertugas sebagai *frontliner* di Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Kem PLKN Millennium Beranang, Selangor




LAWATAN PENGARAH KE INKUBATOR KEUSAHAWANAN NFT SMART FARM

Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria telah membuat lawatan ke Inkubator Keusahawanan NFT Smart Farm. Beliau turut berkongsi panduan penanaman petola.





LAWATAN PENGARAH KE BENGKEL KIMPALAN

Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria telah membuat lawatan ke bengkel kimpalan dalam kampus. Beliau sangat berbangga dengan hasil kualiti kimpalan yang dihasilkan oleh pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) Politeknik Nilai.



KURSUS OSH

Kursus ini adalah kursus orientasi bagi pensyarah yang akan mengajar Kursus DUW 10012 dan DUW 10022. Kursus yang melibatkan pensyarah-pensyarah dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) dan Jabatan Perdagangan ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Kursus yang dilaksanakan selama 2 hari ini telah disampaikan oleh Pn. Salina Sumali dan En. Khor Seow Loon dari Politeknik Port Dickson (PPD) dan En. Mohd Sallehuddin Yazid dari BKPK, JPPKK.



POLITEKNIK NILAI TOWARDS UI GREEN MATRIC 2021

Unit Teknologi Hijau telah mengadakan aktiviti hijau bagi mengenalpasti pokok dan sumber air semulajadi di Kawasan Politeknik Nilai, aktiviti ini adalah antara aktiviti dalam PNS *Towards UI Green Matric 2021*.



PENUGASAN SEMULA SECARA SEMENTARA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Politeknik Nilai antara agensi kerajaan yang terpilih dalam penugasan semula secara sementara pegawai perkhidmatan awam persekutuan semasa tempoh proklamasi darurat 2021. 2 orang pensyarah tersebut adalah Dr. Isdawati Ismail dan En. Rudy Adrie Idris yang ditugaskan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai jawatankuasa utama COVID-19 National Task Force berkuatkuasa 19 Februari 2021.



LAWATAN PENGARAH KE ASRAMA SEBAGAI PERSEDIAAN MENJELANG KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI DIS 2020

Dalam tinjauannya, tuan pengarah mahu pihak pengurusan memastikan asrama dalam keadaan bersedia serta selamat untuk kemudahan para pelajar. Antara kawasan yang dilawati termasuklah bilik kediaman, tandas, ruang kemudahan dobi layan diri, laluan kaki lima dan seluruh persekitaran asrama.



BENGKEL PEMENTORAN PERKHIDMATAN AWAM

Program ini bertujuan bagi membantu pegawai dalam perkembangan kerjaya dan psikososial serta meningkatkan kemahiran dalam aspek profesional, budaya, personal dan sosial. Dengan adanya program ini para mentor dapat menyalurkan pengetahuan ilmu dan kepakaran kepada menti masing-masing.



PENDAFTARAN DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (DKM) SESI JUN 2020



Proses pendaftaran pelajar DKM Sesi Jun 2020 bagi menyelesaikan tugas amali dalam tempoh 10 hari berjalan dengan lancar dengan mematuhi *prosedur operasi standard* (SOP) yang ditetapkan susulan pandemik COVID-19.




PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU POLITEKNIK NILAI SESI DIS 2020

Pendaftaran pelajar baharu telah dilaksanakan mengikut norma baharu dengan mengamalkan SOP yang ketat. Setiap pelajar yang mendaftar diwajibkan untuk mengambil suhu badan dan mendaftar masuk menggunakan MySejahtera.



BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAJIAN AWAL UI GREEN MATRICS 2021

Seramai 19 orang penyelidik kajian yang terlibat dengan Program *UI Green Matrics* 2021 telah menghadiri kursus yang dikendalikan oleh Dr. Faizah Shaari, Ketua Unit Teknologi Hijau yang juga merangkap sebagai Ketua Penyelidik bagi program tersebut



MAJLIS KESYUKURAN DAN DOA SELAMAT

Warga Penjara Seremban telah mengadakan Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat sempena berakhirnya wabak pandemik COVID-19 yang telah melanda Penjara Seremban. PUSPANITA Politeknik Nilai merupakan rakan kolaborasi yang telah membantu turut dijemput ke majlis tersebut.



LAWATAN PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Lawatan tapak ke bengkel kimpalan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) Politeknik Nilai telah diadakan oleh sekumpulan pegawai dari Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) JPPKK bagi meninjau keadaan bengkel yang memerlukan baik pulih di beberapa bahagian utama yang telah mendapat teguran dari pihak Akreditasi ETAC yang lalu.



MAJLIS PENUTUP MINGGU SUAIKENAL (MSK) SESI DIS 2020

Majlis tersebut telah berlangsung secara dalam talian menerusi platform GoogleMeet dan telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria.



LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS (MBOT)

Lawatan MBOT mock audit telah berlangsung di sekitar Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) sebagai persediaan ke arah MBOT audit sebenar pada 8 – 9 April 2021



**LAWATAN PENILAIAN
AKREDITASI
MALAYSIA BOARD OF TECHNOLOGISTS (MBOT)**
JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI
**DIPLOMA HORTIKULTUR LANDSKAP (DLH)
DIPLOMA BIOTEKNOLOGI (DBT)**
POLITEKNIK NILAI

SELAMAT DATANG PANEL PENILAI

PROGRAM MULTAQA HALAL NEGERI SEMBILAN

Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan bersama PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan yang berlangsung di Dewan Besar Pusat Dakwah Islamiah, Paroi. PUSPANITA Cawangan Politeknik Nilai telah menghantar 5 orang wakil untuk sama-sama menyertai program tersebut



PERBINCANGAN KERJASAMA PROGRAM POLITEKNIK NILAI DAN KEMUDA YADIM

Perbincangan diadakan bagi memperkuatkan kefahaman Islam dalam kalangan pelajar dan memberi fokus kepada isu akidah, akhlak dan sahsiah. Inisiatif ini bertepatan dengan hasrat KEMUDA yang merancang untuk mengadakan program penerangan di seluruh politeknik Malaysia.



KURSUS PROFESIONAL AMAZON WEB SERVICES (AWS) CERTIFIED CLOUD PRACTITIONER

Kursus ini dihadiri oleh pensyarah bidang Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) Jabatan Perdagangan. Dr. Ahmad Tarmizi Abdul Ghani, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berkongsi modul perkhidmatan AWS.



ASIA YOUTH INNOVATION AWARD MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2021

Tahniah dan syabas kepada pasukan dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB) dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) kerana telah memperolehi pingat emas dan pingat gangsa menerusi produk inovasi.

Tahniah Kejayaan Pingat Emas

PENYERTAAN PELAJAR
JABATAN AGROTEKNOLOGI DAN
BIO-INDUSTRI (JAB)

MEWAKILI POLITEKNIK NILAI DALAM
ASIAN YOUTH INNOVATION AWARD
MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2021



T-MO VERMICOMPOST: ORGANIC FERTILIZER
WITH POLYSTYRENE & PLANT WASTE DIET
EFFECT ON PLANT GROWTH

PENYELIA:
EN. AHMAD YAZID BIN RAHMAN

PELAJAR:
GAUTHAM A/L MANIMAREN
TIAN SIAW EN
KEERTHANA A/P MURALIV

Tahniah Kejayaan Pingat Gangsa

PENYERTAAN PELAJAR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
(JKM)

MEWAKILI POLITEKNIK NILAI DALAM
ASIAN YOUTH INNOVATION AWARD
MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2021



THE APPLICATION OF IOT IN TRACKING
TRASH BIN CAPACITY
(T.R.A.C.T)

PENYELIA:
MOHAMAD FIKREE BIN ALIAS

PELAJAR:
MOHAMED FAIZ BIN ABDUL KADIR
ZURAQIDAH BINTI ZAINAL ABIDIN
MUHAMMAD FAIZ BIN ATIAIN



SPLITOKARA BURGER PATTY

PENYELIA:
PN. FAUZIAH SHAHEEN BINTI SHEH RAHMAN

PELAJAR:
MUHAMMAD IEZZAT HAikal bin MAIZAL
LIM KE XIN



Tahniah Kejayaan Pingat Emas

PENYERTAAN PELAJAR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
(JKM)

MEWAKILI POLITEKNIK NILAI DALAM
ASIAN YOUTH INNOVATION AWARD
MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2021




SATAY SKEWER MACHINE

PENYELIA:
PN. SAMSIAH BINTI SHAABAN

PELAJAR:
MUHAMMAD IZZUL MUIZUDDIN BIN MOHD YAZIR
MUHAMMAD HAZIQ AIMAN BIN MOHD ASHRI

WEBINAR PENGURUSAN KEWANGAN

Webinar ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama *Chartered Institute of Islamic Finance Professionals* (CIIF). Kursus yang melibatkan 10 orang pelajar DIB semester 3 secara bersiri ini bertujuan membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dengan lebih baik.



PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI

SAVE YOUR Finance \$\$\$\$\$\$

DISAMPAIKAN SECARA DI ATAS TALIAN OLEH
ENCIK RAZALI BIN AHMED

PADA: 18hb MAC 2021, 25hb MAC 2021 & 1hb APRIL 2021

WEBINAR PELAJAR BERSAMA CII

PENGURUSAN KEWANGAN

Sesi 1 | 18 Mac 2021 | Khamis | 10.00 am – 12.00 pm
Sesi 2 | 25 Mac 2021 | Khamis | 2.00 pm – 4.00 pm
Sesi 3 | 1 April 2021 | Khamis | 10.00 am – 12.00 pm

Apakah Itu Pengurusan Kewangan Peribadi?
Pengurusan Kewangan Peribadi Mempengaruhi Pencapaian Kerjaya
Pengurusan Wang
Penggunaan Kredit Yang Baik
Simpanan Dan Pelaburan
Laporan-laporan Kredit
Kecurian Identiti

Penceramah
En. Razali Ahmed, Ahli CIIF

Dengan Kerjasama:

Unit Perdagangan & Pengurusan,
Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan
Politeknik dan Kolej Komuniti



KURSUS USER INTERFACE (UI) / USER EXPERIENCE (UX)

Kursus perkongsian ilmu mengenai pembangunan UI / UX ini telah disampaikan oleh Dr. Zulisman Maksom, Senior Lecturer Department of Interactive Media (MI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pembangunan UI / UX lebih mantap serta nilai tambah kemahiran pembangunan aplikasi untuk projek tahun akhir.

The screenshot shows a video call interface. On the left, there is a video frame of a man with dark hair and a mustache, wearing a dark shirt. His name, "Zul", is displayed below his video. On the right, there is a video frame of a person wearing a face mask, with a circular profile picture above them. Their name, "Nur", is displayed below their video. Above the video frames, the title "THE MAIN DIFFERENCES BETWEEN UX AND UI" is visible. To the right of the title, there is a block of text explaining the differences between UX and UI design. Below the text, there is another block of text summarizing the main difference. The interface includes standard video call controls like a camera icon, a microphone icon, and a share icon.

THE MAIN DIFFERENCES BETWEEN UX AND UI

It's important to understand that UX and UI do go hand-in-hand; you can't have one without the other. However, you don't need to possess UI design skills to be a UX designer, and vice versa — UX and UI constitute separate roles with separate processes and tasks!

The main difference to bear in mind is this: UX design is all about the overall feel of the experience, while UI design is all about how the product's interfaces look and function.

Zul

Nur

MAJLIS SEMPENA MENYAMBAT KEDATANGAN RAMADAN DAN MERAIKAN PERSARAAN

Majlis kedatangan Ramadan telah diadakan dengan penglibatan semua Warga Politeknik Nilai. Pada masa yang sama PNS turut meraikan dua orang pensyarah dari Jabatan Perdagangan yang akan menamatkan perkhimatan mereka sebagai penjawat awam iaitu Pn. Rohana Hassan Basri dan Pn. Siti Nurbaya Muhamad Saleh.



INTERNATIONAL INNOVATION ARSVOT MALAYSIA 2021 (IAM2021)

Tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perdagangan (JP) kerana telah memenangi emas dan perak menerusi inovasi.




BENGKEL INTEGRATION OF LANDSCAPE HORTIKULTUR DESIGN USING IOT CONCEPT TOWARDS SUSTAINABILITY

Bengkel 2 hari ini telah melibatkan pelajar-pelajar semester 5 dari Program Landscape Hortikultur (DLH) Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB).




MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2021 / 2022 POLITEKNIK NILAI

Majlis ini telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria, Pengarah PNS turut hadir En. Azizul, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



WEBINAR THE ART OF ISLAMIC FINANCE : ADAPT & ADOPT

Webinar ini telah disertai oleh pelajar kewangan dan perbankan Islam semester 2,3 dan 4 dari Jabatan Perdagangan bertajuk *Tips for Student: Saving & Investments*.



TRANSFORMASI KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) POLITEKNIK NILAI 2021

Program ini telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan organisasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang berlangsung selama 3 hari. Program ini dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria.




2/7



PEMBENTANGAN PROJEK AKHIR DAN INOVASI PELAJAR

Pembentangan projek akhir berlangsung dengan menyaksikan sebanyak 13 kumpulan pelajar-pelajar semester 5 Sesi Dis 2020 yang membentangkan hasil kajian dan juga produk inovasi yang mengaplikasikan *Teknologi Internet of Things* (IoT) dalam rekabentuk taman. IoT adalah teknologi berasaskan sensor. Pelbagai jenis sensor digunakan seperti mengukur suhu, kelembapan, kadar air, asap, kedekatan, tekanan dan lain,lain bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah dikenalpasti bagi setiap kumpulan.





Sekian terima kasih



Terima kasih!